

Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia

Soalan-soalan Lazim

1. Apakah Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia dan bilakah ia akan dilaksanakan?

Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia adalah inisiatif kerajaan untuk memastikan golongan yang **bekerja sendiri** dan **tiada pendapatan tetap** mempunyai simpanan apabila mencapai umur persaraan.

Skim ini bertujuan menggalakkan golongan yang bekerja sendiri dan tiada pendapatan tetap untuk mencarum secara sukarela bagi simpanan persaraan mengikut kemampuan mereka. Skim ini akan dilaksanakan mulai **3 Januari 2010**.

2. Siapakah yang tergolong dalam golongan 'orang yang bekerja sendiri' dan 'individu yang tiada pendapatan tetap'?

Mereka yang tergolong dalam golongan ini termasuklah golongan petani, pemandu teksi, nelayan, penjaja, pengasuh bayi, *freelancers*, dan juga pemilik perniagaan.

3. Apakah syarat kelayakan bagi menyertai skim ini? Bolehkah saya memohon menyertai skim ini jika saya belum mendaftar sebagai ahli KWSP?

Syarat kelayakan untuk menikmati skim ini adalah, individu itu mestilah warganegara Malaysia, bekerja sendiri, dan berdaftar sebagai ahli KWSP.

4. Bolehkah saya memohon jika saya belum menjadi ahli KWSP?

Boleh, tetapi anda perlu mendaftar menjadi ahli KWSP terlebih dahulu. Untuk mendaftar, anda hanya perlu melengkapkan Borang KWSP 3 dan menghantarnya beserta salinan MyKad anda ke Pejabat KWSP berdekatan.

5. Bagaimanakah cara untuk saya menyertai Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia ini?

Jika anda telah memenuhi segala syarat kelayakan yang ditetapkan, anda boleh menyertai skim ini dengan melengkapkan borang permohonan Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia (**KWSP 16G (1M)**), yang boleh diperolehi dari kaunter KWSP ataupun dimuat-turun dari laman ini mulai **3 Januari 2010** dan menghantarnya terus ke mana-mana kaunter KWSP. Sebagai pilihan, anda juga boleh menghantar melalui kiriman pos ke KWSP.

Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia

Soalan-soalan Lazim

6. Di mana dan bila caruman boleh dibuat?

Pembayaran caruman boleh dibuat melalui Borang Pembayaran **KWSP 6A(2)** di mana-mana kaunter KWSP seluruh negara.

7. Apakah amaun minimum dan maksimum bagi caruman bulanan?

Caruman minimum sebanyak RM50 manakala amaun maksimum adalah RM5,000 sebulan.

8. Adakah simpanan di bawah skim ini akan menerima dividen tahunan KWSP?

Ya, simpanan di bawah skim ini akan menerima dividen tahunan berdasarkan kadar yang akan diisytiharkan oleh KWSP untuk tahun tersebut.

9. Apakah sumbangan tambahan yang diberi oleh Kerajaan?

Kerajaan akan menyumbang sebanyak 5 peratus bagi setiap RM100 caruman yang dibayar dan ia tertakluk kepada jumlah maksimum sebanyak RM60 setahun. Sumbangan kerajaan ini hanya untuk tempoh **5 tahun** bermula dari **2010 hingga 2014**.

10. Bolehkah simpanan ahli di dalam skim ini dikeluarkan?

Boleh. Skim Simpanan Persaraan 1Malaysia ini adalah sebahagian daripada simpanan ahli. Oleh itu, ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka mengikut syarat-syarat dan prosedur pengeluaran semasa KWSP.